

# Satelit rapatkan jurang digital rakyat – Najib

UM-13/12/2006

KUALA LUMPUR 12 Dis. – Pelancaran satelit Measat-3 hari ini bakal menjadikan Malaysia sebagai antara negara yang memiliki teknologi teranggih di dunia.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pelancaran satelit komunikasi Malaysia ketiga itu berupaya merangsang kemajuan industri telekomunikasi dan media tempatan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, salah satu bidang yang bakal menampakkan perkembangan membarangsangkan ialah kemudahan Internet jalur lebar.

Jelasnya, penggunaan satelit akan membolehkan kemudahan itu dinikmati oleh penduduk di pedalaman sekali gus merapatkan jurang digital dengan kawasan bandar dan memelihara serta mengekalkan ekonomi berasaskan pengetahuan.

“Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menyasarkan peningkatan jalur lebar daripada 1.9 peratus pada tahun lepas kepada 13 peratus atau 3.73 juta pelanggan pada 2010,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum menyaksikan pelancaran Measat-3 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang disiarkan secara langsung dari Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan.

Ia juga disiarkan secara langsung di televisyen menerusi RTM2 dan

Rangkaian 4 Astro Ria serta laman web [www.measat.com](http://www.measat.com).

Satelit berkenaan berjaya dilancarkan dengan roket Proton Breeze-M pada pukul 7.28 pagi yang turut disaksikan lebih 1,000 tetamu.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Kong Cho Ha; Duta Besar Persekutuan Rusia ke Malaysia, Alexander A. Karchava; Duta Tugas Khas dan Wakil Penuh Kerajaan Republik Kazakhstan ke Malaysia, Mukhtar B. Tileuberdi; Pengarah Measat Satellite Systems Sdn. Bhd., Tun Hanif Omar serta Ketua Pegawai Operasi Measat Satellite Systems Sdn. Bhd., Paul I. Brown-Kenyon.

## Tahap

Najib memberitahu, penghantaran Measat-3 ke orbit yang menelan kos keseluruhan sebanyak RM1 bilion juga akan meningkatkan tahap industri media tempatan.

Katanya, dengan adanya satelit tambahan, ia mampu menjana kemajuan televisyen satelit dan perkhidmatan telekomunikasi tempatan.

Beliau menambah, penggunaan satelit juga memungkinkan kemajuan

teknologi lain diperoleh tanpa had.

Sebagai contoh katanya, bidang kesihatan di mana diagnosis dan rawatan boleh dinikmati di kawasan pedalaman.

“Pengamal kesihatan profesional di luar bandar boleh berbincang sesuatu kes pesakit dengan pakar di hospital terkemuka dan bertukar gambar x-ray digital.

“Dalam kes-kes kecemasan, pakar bedah tempatan boleh dibimbing dari jauh mengenai prosedur menyelamatkan nyawa yang lebih kompleks oleh pakar berkelayakan tinggi yang bertindak sebagai penasihat secara talian terus,” ujarnya.

Selain itu menurut Najib, kemudahan satelit juga mampu meningkatkan sistem pendidikan negara menerusi pembelajaran jarak jauh yang menghubungkan pelajar di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak dengan pensyarah yang berada jauhnya beratus kilometer.

Pada majlis tersebut, beliau turut menyampaikan Biasiswa Measat/Universiti Angkasa Lepas Boeing kepada graduan Universiti Sydney, Ng Jin Ann, 22.

Ng Jin Ann merupakan rakyat Malaysia pertama dibiayai sepenuhnya untuk melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Pengajian Angkasa Lepas di Universiti Angkasa Lepas Antarabangsa, Strasbourg, Perancis.